

79 kompaun dikeluarkan dalam Operasi Sepadu Bersih

KUALA LUMPUR - Sebanyak 79 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam Operasi Sepadu Bersih Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap premis makanan dan minuman di sekitar ibu negara.

Operasi dijalankan di The Garden Mall dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai, Jalan Jalil Perkasa (Parlimen Seputeh), Jalan Manis 3, Taman Segar (Parlimen Cheras) dan Jalan Leboh Ampang.

Selain itu, pelaksanaan operasi turut dijalankan di Jalan Tingkat Tong Shin (Parlimen Bukit Bintang), Taman Sri Sinar dan 1Mont Kiara (Parlimen Segambut).


DBKL menerusi kenyataan berkata, sebanyak 93 premis dilawati namun 34 premis tidak beroperasi,

menjadikan hanya 59 sahaja premis yang diperiksa dalam operasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan, tiga premis dikenakan tindakan arahan penutupan di bawah UUK 28(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016.

"Selain itu, 79 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976," kata kenyataan itu.

DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang telah ditetapkan.



Pegawai penguat kuasa DBKL mengeluarkan kompaun atas pelbagai kesalahan dalam Operasi Sepadu Bersih di Kuala Lumpur baru-baru ini.